

|            |                    |             |                     |
|------------|--------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Tarian Orang Asli  |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro       |             |                     |
| Date       | 29 Dec 2011        | Color       | Full Color          |
| Section    | Variasi            | Circulation | 324,097             |
| Page No    | V3                 | Readership  | 1,981,000           |
| Language   | Malay              | ArticleSize | 543 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Norhadiani Baharom | AdValue     | RM 15,614           |
| Frequency  | Daily              | PR Value    | RM 46,842           |



# Tarian Orang Asli dedah identiti pribumi

Festival tingkat pemahaman mengenai budaya kepada masyarakat termasuk pelancong luar

**>>Oleh Norhadiani Baharom**

yanie@hmetro.com.my

**T**ARIAN tradisional yang gemalai sering dipersembahkan di luar negara atas usaha Kementerian Pelancongan untuk memperkenalkan kesenian negara di mata dunia.

Selain tarian tradisional, Orang Asli juga mempunyai kesenian mereka sendiri, tetapi kurang mendapat publisiti dalam kalangan masyarakat.

Mengikut perangkaan, terdapat kira-kira 180,000 Orang Asli yang mewakili 0.01 peratus penduduk rakyat Malaysia.

Mereka terbahagi kepada tiga suku kaum terbesar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto.

Tarian Orang Asli mempunyai kaitan rapat dengan kepercayaan kerohanian mereka dan sering digunakan pawang dalam upacara menghubungi dunia roh.

Ini termasuk tarian Geng-gulang kaum Mah Meri, tarian Berjerom (Jah-Hut), serta Sewang oleh kaum Semai dan Temiar.

|            |                    |             |                     |
|------------|--------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Tarian Orang Asli  |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro       |             |                     |
| Date       | 29 Dec 2011        | Color       | Full Color          |
| Section    | Variasi            | Circulation | 324,097             |
| Page No    | V3                 | Readership  | 1,981,000           |
| Language   | Malay              | ArticleSize | 543 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Norhadiani Baharom | AdValue     | RM 15,614           |
| Frequency  | Daily              | PR Value    | RM 46,842           |

Bagi memberi pendedahan lebih luas kepada masyarakat termasuk pelancong luar, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan menganjurkan

Festival Kesenian Orang Asli dan Pribumi Malaysia atau 'Malaysian Aborigines & Indigenous Arts Festival' di Pusat Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, Selangor, baru-baru ini.

Ia dirasmikan Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Ab Ghaffar A Tambi.

Majlis perasmian festival itu turut dihadiri Ketua Pengarah JKKN, Datuk Norliza Rofli, wa-

nita gigih yang tidak pernah jemu menjadikan kebudayaan dan kesenian satu legasi atau pewarisan yang perlu dipertahankan dan disanjung.

Selain persembahan tarian dan muzik Orang Asli, pengisian festival penuh warna-warni itu merangkumi pertunjukan kostum, pameran atau demonstrasi Topeng

Moyang, Sumpit, penghasilan bakul, anyaman, ukiran, perangkap, peralatan, perhiasan diri, pakaian, alat muzik dan makanan.

Festival itu meningkatkan pemahaman mengenai budaya Orang Asli selain menampilkan pencapaian kesenian tiga suku utama Orang Asli

iaitu Semang (Negrito), Senoi dan Proto-Melayu.

Pertunjukan dijayakan Kumpulan Persembahan Orang Asli daripada sembilan negeri di Semenanjung, dua Kumpulan Etnik Sabah dan Sarawak serta Kumpulan Kesenian Cemerlang dari JKKN Ibu Pejabat.

Kumpulan Persembahan Orang Asli terdiri daripada Kumpulan Orang Asli Seletar dan Bakar Batu Perling dari negeri Johor, serta Kumpulan Orang Asli Post Behtau dan

Kumpulan Persembahan Orang Asli Semelai dari Pahang.

Tarian yang dipersembahkan adalah Sewang

Senoi, Mahmeri (Topeng), Ketam Bangkang, Johor; Ceracik, Pera; Sewang Lanok, Negeri Sembilan; Sek Sek, Kedah; Orang Kitai, Melaka; Temadak, Sabah; Ngoncong, Sarawak; Sewang oleh Bahbola, serta Sewang1Malaysia.

Bagi memeriahkan festival, pertandingan menangkap itik dan ikan turut diadakan.

Festival itu ternyata memberi kepuasan kepada pengunjung selain pelancong asing yang selama ini kurang maklumat mengenai kesenian masyarakat Orang Asli di negara ini.



|            |                    |             |                     |
|------------|--------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Tarian Orang Asli  |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro       |             |                     |
| Date       | 29 Dec 2011        | Color       | Full Color          |
| Section    | Variasi            | Circulation | 324,097             |
| Page No    | V3                 | Readership  | 1,981,000           |
| Language   | Malay              | ArticleSize | 543 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Norhadiani Baharom | AdValue     | RM 15,614           |
| Frequency  | Daily              | PR Value    | RM 46,842           |

FOTO | Tan Chew Lian



**TAKUT...**topeng sering digunakan dalam tarian masyarakat Orang Asli termasuk dalam upacara mantera



**GEMALAI...**antara tarian masyarakat Orang Asli yang mendapat sambutan penonton dan pelancong asing.



**CANTIK...**buluh antara elemen utama yang selalu digunakan masyarakat Orang Asli dalam setiap tarian.